

TARIKH : 13 JANUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13

**Nasib miskin tegar terus jadi keutamaan**

# **Nasib miskin tegar terus jadi keutamaan**

Pendekatan 'Rahmah' ditekankan dalam semua program kerajaan, tegas PM

**KUALA NERUS**

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerangkan kebijakan golongan miskin terutama miskin tegar akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Perpaduan.

Beliau berkata, pendekatan berkonsepkan 'Rahmah' juga akan terus ditekankan dalam semua program kerajaan di bawah pentadbirannya.

"Soal kebijakan kita panggil program Rahmah. Itu kita akan jadikan tema dalam semua program bantuan rakyat miskin, terutama miskin tegar yang menjadi keutamaan kita dalam pentadbiran kerajaan sekarang," kata beliau selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan di Dewan Senat Universiti Malaysia Terengganu



FOTO: BERNAMA

Anwar berswafoto bersama pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) selepas mengadakan pertemuan bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan di UMT pada Khamis.

(UMT) di sini pada Khamis.

Sehubungan itu, Anwar berkata, beliau mahu memastikan tumpuan lebih diberikan terhadap projek pendidikan, kesihatan dan kebijakan rakyat termasuk tebatan banjir berbanding projek-projek besar atau mega.

Anwar juga berkata, kerajaan Persekutuan sentiasa bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri di bawah perintahan blok pembangkang demi kesejahteraan rakyat.

Anwar turut mengingatkan se-

mua pegawai kanan dan ketua jabatan kerajaan Persekutuan agar meningkatkan usaha dan tahu mengenai keutamaan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Ditanya mengenai Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri, beliau berkata, perkara itu masih terlalu awal untuk diputuskan dan ia merupakan urusan di peringkat kerajaan negeri.

"Kalau idealnya semua sekali (PRN diadakan serentak di enam negeri). Tetapi ia bukan di bawah bidang kuasa saya," katanya. - Bernama

